



BASARUDDIN SADALI (dua dari kanan) meninjau bahagian penjualan makanan kering bersama **Pierre Oliver Deplanck** (kanan) ketika membuat lawatan di Giant Falim, Ipoh, semalam.

Giant sokong produk PKS tempatan

Oleh KHAIRUL

ABIDIN NUAR

khairul.nuar@utusan.com.my

IPOH 9 Feb. - GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd. hari ini melancarkan hipermart Giant Falim yang julung kalinya menyaksikan rangkaian pasar raya itu memuatkan produk-produk perusahaan kecil dan sekeras (PKS) tempatan di ruangan khas dinamakan sebagai Citarasa Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Pierre-Olivier Deplanck berkata, ruangan khas tersebut membolehkan para pengguna mendapatkan produk seperti rempah-ratus, herba dan campuran sos tempatan dari seluruh negara.

"Kami juga amat komited dalam menyokong PKS tempatan di Perak. Pembekal sayur-sayuran kita termasuklah jenama seperti


Agroto di Lembah Kinta, Global Green Farm di Jalong dan Ming Huat di Menglembu.

"Pembekal ikan tempatan kita pula dari Q-Yin Marine dari Hutan Melintang. Usaha sama menang-menang ini bukan sahaja membantu PKS tempatan memperkembang pasaran mereka, malah pengguna Giant turut dapat menikmati lebih banyak pilihan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Giant Falim merangkumi kawasan seluas 102,794 kaki persegi dengan menempatkan 50 ruang perniagaan di bawah satu bumbung di sini hari ini.

Majlis perasmian tersebut disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepengguanan, Datuk Basaruddin Sadali dan turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif Amaxmall Sdn. Bhd., Datuk Dr. Nik Sarina Hashim.

Giant Falim yang mula dibuka kepada orang ramai sejak seminggu lalu, menawarkan lebih 23,000 produk melibatkan 174 kategori, serta dengan slogan mereka



Pembekal ikan tempatan kita pula dari Q-Yin Marine dari Hutan Melintang. Usaha sama menang-menang ini bukan sahaja membantu PKS tempatan memperkembang pasaran mereka, malah pengguna Giant turut dapat menikmati lebih banyak pilihan."

PIERRE-OLIVIER DEPLANCK

Ketua Pegawai Eksekutif GCH Retail

iaitu 'lebih banyak pilihan, lebih nilai'.

Pada majlis tersebut, Basaruddin turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Amaxmall Sdn. Bhd., yang masing-masing diwakili oleh Pierre-Olivier dan Nik Sarina.

MoU itu antara lain bertujuan membolehkan produk-produk PKS tempatan di bawah jenama Amaxmall Sdn. Bhd., ditempatkan di pasar raya Giant.

Amaxmall ialah platform e-dagang yang menempatkan sebahagian besar produk dan jenama Malaysia melibatkan kategori makanan, kesihatan dan kecantikan, fesyen serta produk ibu dan kanak-kanak.

Bersempena dengan pelancaran Giant Falim juga, GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd. turut menyumbang sebanyak RM50,000 kepada Yayasan MyKasih bagi membantu 50 keluarga di sekitar Falim dengan memberikan eluan beli-belah barang dapur di pasar raya tersebut selama setahun.